

**DASAR
HARTA
INTELEK
UKM**

2010

DASAR HARTA INTELEK UKM 2010

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2010
<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama/*First Printing*, 2010
Hak Cipta/*Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh/*Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
<http://www.penerbit.ukm.my>

Penerbit UKM adalah anggota/*is a member of the*
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/*Membership No.* 198302

Atur huruf dan dicetak oleh / *Typeset and printed by*
REKA & CETAK Sdn. Bhd.
NO. 6 Jalan Seri Sarawak 20B,
Taman Sri Andalas, 41200 Klang,
Selangor D.E. MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dasar Harta Intelek 2010
1. Harta Intelek. 2. Hak cipta
346.048

ISBN 978-967-942-940-4

Kandungan

Kata Aluan ... 5

Pendahuluan ... 7

- 1 Dasar Harta Intelek ... 11
- 2 Dasar Harta Intelek Pelajar ... 23
- LAMPIRAN 1 Borang Pendedahan Reka Cipta ... 28
- LAMPIRAN 2 Borang Pengisytiharan Tesis ... 39
- LAMPIRAN 3 Surat Ikatan Serah Hak Pekerja UKM ... 41
- LAMPIRAN 4 Surat Ikatan Serah Hak Pelajar UKM ... 45
- LAMPIRAN 5 Surat Ikatan Serah Hak Rakan Sekutu UKM ... 48
- LAMPIRAN 6 Perjanjian Kerahsiaan ... 52
- LAMPIRAN 7 Notis Berkenaan Nasihat Guaman Bebas ... 57

Kata-kata Aluan Naib Canselor


Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penggubalan Dasar Harta Intelek UKM sehingga UKM berjaya dalam menerbitkan Dasar Harta Intelek UKM 2010.

Sebagai sebuah universiti penyelidikan, UKM meletakkan aspek inovasi dan kreativiti sebagai agenda perdana dalam menjayakan pelan transformasinya untuk menjadi sebuah universiti terkehadapan dunia menjelang 2018. Bagi menyediakan infrastruktur dan suatu sistem inovasi yang kondusif dan berkesan bagi menggalakkan penghasilan inovasi baru, suatu Dasar Harta Intelek yang mantap dan komprehensif amat diperlukan. Dasar Harta Intelek UKM ini merupakan salah satu elemen penting dalam usaha menyusun strategi ke arah pembudayaan inovasi dan kreativiti sebagai cara hidup dan cara kerja seluruh warga UKM.

Hasil daripada usaha yang bersungguh-sungguh oleh semua pihak semenjak awal 2008 lagi, iaitu melalui bengkel bagi proses semakan terperinci, saringan dan maklum balas daripada fakulti/institut/pusat serta pemurnian terakhir oleh Jawatankuasa Penggubalan Dasar Harta Intelek UKM, maka Lembaga Pengarah Universiti telah bersetuju meluluskan Dasar tersebut pada 24 Disember 2009 untuk dilaksanakan mulai tahun 2010.

Adalah diharapkan Dasar Harta Intelek UKM akan memudahkan dan merancakkan aktiviti inovasi, bukan sahaja di kalangan penyelidik, bahkan di semua peringkat warga kerja UKM. Semoga penerbitan dokumen ini akan berjaya meningkatkan kesedaran terhadap hak harta intelek dan seterusnya membantu UKM melahirkan warga yang sentiasa mementingkan inovasi dan kreativiti yang menjadi tonggak utama selaras dengan visi UKM untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan yang terkemuka di persada antarabangsa.

Sekian.



Prof. Tan Sri Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pendahuluan

1. Pada tahun 2003, UKM mula mengorak langkah dalam usaha menggubal garis panduan Harta Intelek, bermula dengan tertubuhnya jawatan kuasa khas, dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan bertindak sebagai urus setia.
2. Pada tahun 2005 Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan garis panduan Dasar Harta Intelek UKM tersebut.
3. Pada tahun 2008, Bahagian Inovasi dan Pemindahan Teknologi, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah diminta untuk meneliti semula garis panduan tersebut supaya lebih mantap, jelas dan sesuai dengan perkembangan terkini.
4. Pada penghujung tahun 2008, CRIM telah menyiapkan draf Dasar Harta Intelek UKM dan ia diedarkan kepada Fakulti, Institut, Pusat dan Pentadbiran untuk mendapatkan maklum balas.
5. Pada Mac 2009, CRIM telah mengambil kira semua cadangan pindaan dan mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi).
6. Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 9/2009 pada 24 Mac 2009 telah bersetuju menerima dokumen semakan semula Dasar Harta Intelek tersebut dan meminta supaya ia dibincangkan dalam Mesyuarat Ketua Bahagian.
7. Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 3/2009 pada 28 April 2009 telah bersetuju supaya Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat meneliti kertas ini dan memberikan maklum balas untuk perakuan Jawatan kuasa Perancangan Penyelidikan dan Inovasi dan seterusnya kelulusan Senat.
8. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penyelidikan dan Inovasi Bil. 3/2009 pada 30 September 2009 telah bersetuju memperakukan Dasar ini dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Senat.
9. Mesyuarat Senat ke-346 pada 23 Oktober 2009 telah bersetuju memperaku Dasar ini untuk kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.
10. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2009 pada 24 Disember 2009 telah bersetuju meluluskan Dasar Harta Intelek UKM dan Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan).

DASAR HARTA INTELEK UKM

Tarikh Dasar Diperkenalkan	2005
Tarikh semakan	2009
Tarikh semakan semula	2012
Pejabat Yang Boleh Dihubungi	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Perundangan dan Dasar yang Berkaitan	<ul style="list-style-type: none">• Akta Cap Dagangan 1976• Akta Hak Cipta 1987• Akta Paten 1983• Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004• Akta Petunjuk Geografi 2000• Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996• Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000• Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan)• Dasar Harta Intelek Rakan Sekutu UKM (Tambahan)• Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan)• Dasar dan Garis Panduan Pengkomersilan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan (R&D) yang Dibiayai oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009)• Belanjawan Negara (2008)• Dasar Harta Intelek Negara (2007)
Dokumen/Borang Sokongan	<ul style="list-style-type: none">• Borang Pendedahan Reka Cipta• Perjanjian Kerahsiaan Tesis• Surat Ikatan Serah Hak Pekerja• Surat Ikatan Serah Hak Pelajar• Surat Ikatan Serah Hak Rakan Sekutu• Perjanjian Kerahsiaan• Notis Berkenaan Nasihat Guaman Bebas

BAB 1

Dasar Harta Intelek

1. Tujuan Dasar

- 1.1 Dasar ini merupakan Dasar Universiti yang berkait dengan Hak Harta Intelek (HHI) daripada penyelidikan, inovasi dan hasil kreatif, serta pengurusan dan pengkomersilan Harta Intelek tersebut. Dasar ini terpakai bagi semua individu, termasuk Pekerja, Pelajar dan Rakan Sekutu.
- 1.2 Dasar ini selaras dengan Dasar Harta Intelek Negara yang disediakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan, Dasar Pengkomersilan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009) yang disediakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan Belanjawan Negara 2008 yang disediakan oleh Kementerian Kewangan.

2. Takrif

Untuk tujuan Dasar ini, takrifan berikut digunakan:

- 2.1 ‘Bahan Pengajaran’ bermaksud semua karya yang hak ciptanya masih sah digunakan oleh Pekerja untuk tujuan pengajaran dan termasuk semua maklumat, dokumen, bahan atau barang digital dalam apa-apa bentuk yang dicipta atau digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di UKM. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada nota kuliah yang disediakan untuk Pelajar, pembentangan yang dibuat melalui komputer atau projektor overhed (seperti persembahan PowerPoint), tugas, soalan dan penyelesaian tutorial, fotograf, imej, rakaman suara, rakaman video, skor muzik dan laman web kandungan kursus yang berkaitan.

- 2.2 ‘Hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan’ bermaksud dalam tempoh masa penggunaan hak cipta, pereka cipta Harta Intelek memberikan hak bukan eksklusif kepada UKM untuk menghasilkan semula dan mengedarkan karya tersebut (tetapi tidak termasuk untuk tujuan komersil) tanpa perlu membayar apa-apa royalti kepada pereka cipta Harta Intelek. Hak tersebut boleh dilaksanakan dalam semua bentuk media, termasuk apa-apa bentuk baru yang akan dicipta selepas ini.
- 2.3 ‘Hak di Sisi Undang-undang’ bermaksud semua hak yang diiktiraf di bawah mana-mana statut yang berhubung dengan hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu dan varieti baru tumbuhan.
- 2.4 ‘Harta Intelek’ bermaksud semua Harta Intelek yang dilindungi di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana perundangan berkaitan Harta Intelek seperti hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, varieti baru tumbuhan, ilmu kemahiran dan maklumat sulit.
- 2.5 ‘Hak Moral’ bermaksud hak yang diberikan kepada pengarang bagi karya hak cipta bagi melindungi nilai peribadi dan reputasi karya tersebut. Ini termasuk hak bagi melindungi apa-apa perubahan yang dibuat terhadap nama pengarang karya, pindaan, pencacatan atau apa-apa pengubahsuaian lain pada karya itu yang boleh menjelaskan nama baik atau reputasi pengarang tersebut.
- 2.6 ‘HHI’ bermaksud Hak Harta Intelek.
- 2.7 ‘Kepentingan Ekuiti’ bermaksud kepentingan yang dipegang berdasarkan hak milik ekuiti (hak milik yang menunjukkan kepentingan beneficial dalam harta dan memberikan hak kepada pemegang untuk memperoleh hak milik yang sah) atau tuntutan atas Dasar ekuiti, seperti kepentingan yang dipegang oleh benefisiari amanah. Kepentingan ekuiti ialah hak dari segi ekuiti dan, jika dilanggar (mengalami kemudaratian), tertakluk pada penyelesaian melalui remedii ekuiti
- 2.8 ‘Pekerja’ bermaksud mana-mana individu yang diambil bekerja oleh UKM, secara sambilan atau sepenuh masa, kontrak atau tetap, dan termasuk kakitangan akademik dan bukan akademik.
- 2.9 ‘Pelajar’ bermaksud pelajar UKM yang berdaftar.

- 2.10 ‘Pelajar Bersekutu’ bermaksud pelajar luar yang diselia oleh kakitangan akademik UKM tetapi tidak berdaftar di UKM.
- 2.11 ‘Pereka Cipta’ bermaksud pereka atau pencipta Harta Intelek.
- 2.12 ‘Perjanjian Kerahsiaan’ bermaksud perjanjian yang mewujudkan hubungan rahsia antara UKM, Pereka Cipta, dan/atau Rakan Sekutu. Dengan menandatangani perjanjian ini, semua pihak tidak boleh menzahirkan semua maklumat sulit yang boleh menjelaskan UKM kepada lain-lain pihak ketiga.
- 2.13 ‘Rakan Sekutu’ termasuk rakan usaha sama dalam penyelidikan, penyelidik pelawat, perunding, felo atau mana-mana individu, entiti atau badan korporat lain yang dijemput oleh UKM untuk tujuan akademik atau penyelidikan tetapi tidak termasuk Pekerja dan Pelajar UKM.
- 2.14 ‘UKM’ bermaksud Universiti Kebangsaan Malaysia.

3. Hak Harta Intelek (HHI)

Hak-hak yang terakru daripada Harta Intelek adalah seperti berikut:

- 3.1 Hak Cipta – Hak Cipta ialah perlindungan yang diberikan di bawah Akta Hak Cipta 1987 bagi karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman suara dan penyiaran yang asli. Bahan Pengajaran dilindungi sebagai karya sastera.
- 3.2 Paten – Perlindungan Paten yang diberikan di bawah Akta Paten 1983. Perlindungan paten diberikan untuk suatu reka cipta yang baru, melibatkan langkah-langkah penciptaan dan boleh diaplikasikan secara industri, serta menawarkan penyelesaian teknikal kepada masalah tertentu dalam bidang teknologi. Reka cipta yang dianugerahkan dengan perlindungan Paten membolehkan pemegang paten berkenaan menghalang pihak lain daripada ‘mengeksplotasikan’ reka cipta tersebut.
- 3.3 Reka Bentuk Perindustrian – Perlindungan yang termaktub dalam Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 untuk mana-mana reka bentuk yang baru dan belum pernah didedahkan secara awam.
- 3.4 Cap Dagangan – Cap Dagangan berdaftar dilindungi di bawah Akta Cap Dagangan 1976. Untuk mendaftarkannya, cap dagangan itu hendaklah mempunyai ciri-ciri tersendiri yang berbeza, yakni nama yang tersendiri bagi individu, syarikat atau

- firma yang digambarkan dalam cara yang khusus atau tertentu, tandatangan pemohon yang tersendiri, perkataan yang direka, perkataan yang tidak merujuk secara langsung kepada ciri atau sifat barang atau perkhidmatan atau apa-apa tanda lain yang tersendiri.
- 3.5 Petunjuk Geografi – Akta Petunjuk Geografi 2000 melindungi petunjuk yang dapat mengenal pasti asas-usul sesuatu barang itu sama ada berasal dari sesebuah negara atau wilayah, atau kawasan di sesebuah tempat di negara atau wilayah itu yang berdasarkan kualiti, reputasi atau ciri lain yang dapat menetapkan sama ada barang itu dikaitkan dengan geografi asalnya.
- 3.6 Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu – Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 melindungi reka bentuk susun atur litar bersepadu yang asal.
- 3.7 Varieti Baru Tumbuhan – Varieti Baru Tumbuhan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004. Akta ini mengadakan peruntukan perlindungan hak pembiaak baka untuk varieti baru tumbuhan, dan pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan pribumi terhadap pewujudan varieti baru tumbuhan.
- 3.8 Maklumat Sulit – Maklumat Sulit merujuk maklumat yang bersifat sulit, iaitu maklumat yang belum pernah diumumkan kepada orang awam. Ia meliputi semua maklumat seperti rahsia perdagangan, rahsia peribadi, rahsia organisasi, rahsia kerajaan dan rahsia saintifik. Tanggungjawab merahsiakan maklumat itu berbangkit apabila maklumat itu didedahkan secara rahsia, tanpa mengambil kira sama ada pendedahan itu dibuat dengan melanggar Perjanjian Kerahsiaan atau sebaliknya.

4. Pemilikan HHI

Melainkan dipersetujui sebaliknya secara bertulis atau seperti yang dinyatakan dalam Dasar ini, semua Harta Intelek yang direka cipta oleh Pekerja, Pelajar dan Rakan Sekutu adalah hak milik UKM.

- 4.1 Pekerja
- a) Semua Harta Intelek yang direka cipta oleh Pekerja adalah hak milik UKM, apabila ia:

- i. direka cipta dalam tempoh perkhidmatan;
 - ii. direka cipta, dibangunkan atau dihasilkan menggunakan kemudahan, bahan, dana atau sumber lain milik UKM;
 - iii. ditempah atau direka cipta atas permintaan secara langsung oleh UKM; atau
 - iv. direka cipta menurut apa-apa perjanjian dengan Rakan Sekutu.
- b) Semua Harta Intelek berkaitan dengan bahan pengajaran atau perisian kursus (nota kuliah, rakaman video, penyiaran, rakaman pandang dengar atau digital dan lain lain), adalah hak milik UKM. UKM mempunyai hak mutlak untuk menggunakan bahan pengajaran atau perisian kursus bagi apa-apa tujuan pentadbiran, promosi, pendidikan atau tujuan lain. Jika Pengarang bahan pengajaran atau perisian kursus itu bersara, meletakkan jawatan atau bertukar ke institusi lain, UKM mempunyai budi bicara untuk memberikannya lesen bukan eksklusif menggunakan bahan pengajaran atau perisian kursus tersebut semata-mata untuk tujuan mengajar.
- c) Semua Harta Intelek yang direka cipta oleh Pekerja berkaitan dengan buku ilmiah, artikel akademik, kertas kerja persidangan dan persembahan, tesis dan disertasi, karya popular bukan fiksyen, novel, puisi dan karya seni halus yang diusahakan di luar waktu pejabat tanpa kemudahan UKM adalah hak milik Pekerja berkenaan. Walau bagaimanapun, UKM mempunyai hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, menghasilkan semula dan mengedar karya tersebut dalam apa-apa cara yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral Pengarang.
- d) UKM menuntut hak sejagat dalam cip litar bersepada, peranti prototaip dan rajah litar.

4.2 Pelajar

- a) Semua Harta Intelek yang direka cipta oleh Pelajar dalam tempoh pengajiannya di UKM adalah hak milik Pelajar. Walau bagaimanapun, UKM mempunyai hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan,

menghasilkan semula dan mengedar karya tersebut dalam apa-apa cara yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral Pengarang.

- b) UKM menetapkan bahawa Pelajar perlu menyerahkan HHI secara bertulis kepada UKM, menurut Dasar Harta Intelek (Tambahan) Pelajar UKM, apabila:
- i. Pelajar itu ialah Pekerja UKM;
 - ii. Harta Intelek dijanakan, direka cipta, dibangunkan atau dihasilkan dengan menggunakan kemudahan, bahan, dana atau sumber lain milik UKM;
 - iii. Harta Intelek tersebut direka cipta dengan sokongan dan di bawah seliaan Pekerja UKM;
 - iv. Harta Intelek itu dimiliki oleh kumpulan penyelidik yang ahlinya adalah Pekerja UKM; atau
 - v. Harta Intelek tersebut ditempah atau direka cipta atas permintaan langsung UKM.

4.3 Rakan Sekutu

- a) Harta Intelek yang direka cipta oleh Rakan Sekutu sepanjang tempoh penyelidikan atau pelantikan tetap akademiknya di UKM adalah hak milik Rakan Sekutu. Walau bagaimanapun, UKM mempunyai hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, menghasilkan semula dan mengedar karya tersebut dalam apa-apa cara yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral pengarang.
- b) UKM menetapkan Rakan Sekutu menyerahkan HHI secara bertulis kepada UKM, menurut Dasar Harta Intelek Rakan Sekutu UKM (Tambahan), apabila:
- i. Harta Intelek direka cipta, dibangunkan atau dihasilkan dengan menggunakan kemudahan, bahan, dana atau sumber lain milik UKM;
 - ii. Harta Intelek direka cipta dengan sokongan dan dibawah seliaan Pekerja UKM;
 - iii. Harta Intelek itu dimiliki oleh kumpulan penyelidik yang ahlinya adalah Pekerja UKM; atau
 - iv. ditempah atau direka cipta atas permintaan langsung UKM.

5. HHI yang Direka Cipta di Bawah Perjanjian dengan Rakan Sekutu

- 5.1 Pemilikan dan pengkomersilan semua Harta Intelek yang direka cipta di bawah perjanjian dengan Rakan Sekutu dikawal oleh syarat dalam Perjanjian.
- 5.2 Mana-mana perjanjian yang dibuat dengan Rakan Sekutu mestilah diluluskan dan disahkan oleh UKM. Perjanjian dengan Rakan Sekutu termasuk Perjanjian Pertukaran Peribadi, Perjanjian Penyelidikan dan Pembangunan Usaha Sama (CRADA), Perjanjian Kerahsiaan, Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Pelesenan.
- 5.3 Syarat perjanjian Harta Intelek yang standard hendaklah memasukkan peruntukan berhubung perkara berikut:
 - a) Tempoh kontrak;
 - b) Kewajipan dan tugas setiap pihak;
 - c) Penamatan kontrak;
 - d) Remedi;
 - e) *Force Majeure*;
 - g) Penyelesaian pertikaian;
 - h) Pilihan undang-undang; dan
 - i) Undang-undang Syariah, apabila berkenaan.

6. Pengurusan dan Pengkomersilan HHI

- 6.1 Pengurusan dan pengkomersilan HHI di UKM diuruskan oleh Pusat Inovasi Kolaboratif dan UKM Technology Sdn Bhd menurut Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM.
- 6.2 Fungsi Pusat Inovasi Kolaboratif dan UKM Technology Sdn Bhd termasuk:
 - a) Mencipta pelbagai portfolio Harta Intelek dengan mendapatkan manfaat Harta Intelek dan menguruskan semua Harta Intelek UKM secara strategik dengan memberikan nasihat dan bantuan kepada penyelidik dalam pendedahan perekciptaan, proses perlindungan dan penyelarasaran Harta Intelek dengan wakil paten, pangkalan data Harta Intelek, promosi Harta Intelek, audit Harta Intelek, penilaian Harta Intelek, sorotan teknologi, perniagaan pintar, jalinan

- hubungan dengan penyedia geran prapengkomersilan dan program latihan Harta Intelek;
- b) Mempromosikan pengkomersilan Harta Intelek UKM melalui pelbagai usaha seperti pembangunan teknousahawan, latihan pengkomersilan teknologi, penyertaan dalam pelbagai persidangan dan pameran teknologi di peringkat tempatan dan antarabangsa, iklan jualan dan padanan perniagaan dengan bakal rakan niaga perindustrian, rundingan pelesenan teknologi, menyediakan lembaran syarat untuk Perjanjian Kerahsiaan, perjanjian usaha sama dan perjanjian pelesenan teknologi, pembentukan syarikat terbitan universiti dan program mentor bagi syarikat terbitan universiti dan menyediakan bantuan kewangan serta menyediakan dana untuk syarikat terbitan universiti, *beta prototaip* dan pembangunan rintis produk yang mampu berkembang secara komersil dan mewujudkan hubungan dengan pelbagai peringkat komuniti perindustrian seperti SMIDEC, SME, GLC, organisasi modal teroka, dewan perniagaan dan persatuan.
- 6.3 Semua Pekerja dan Pelajar mesti melaporkan dan memaklumkan secara bertulis kepada Pusat Inovasi Kolaboratif dan UKM Technology Sdn Bhd semua reka cipta Harta Intelek yang dituntut haknya oleh UKM menurut Fasal 4 Dasar ini.
- 6.4 Pusat Inovasi Kolaboratif dan UKM Technology Sdn Bhd boleh mengesyorkan untuk mengkomersilkan, selepas memberikan pertimbangan kepada laporan, penilaian dan pertimbangan lain, sama ada untuk mengkomersilkan atau tidak Harta Intelek yang telah dilaporkan.
- 6.5 Apabila Harta Intelek yang terlibat terdiri daripada Paten atau Reka Bentuk Perindustrian, Pekerja, Pelajar atau Rakan Sekutu dari luar hendaklah berunding dengan Pusat Inovasi Kolaboratif dan UKM Technology Sdn Bhd berhubung apa-apa penerbitan, pengumuman atau pameran yang berkait dengan Harta Intelek tersebut.
- 6.6 Apabila UKM memutuskan untuk mengkomersilkan Harta Intelek tersebut, ia hendaklah melaksanakan keputusannya pada had masa yang munasabah mendaftarkan Harta Intelek dan mengenal pasti bakal penerima lesen. UKM akan menanggung

- semua kos dan perbelanjaan yang terlibat dalam pendaftaran, perlindungan dan pengurusan Harta Intelek UKM.
- 6.7 Pereka Cipta Harta Intelek hendaklah menyediakan semua bantuan yang wajar dalam proses pengkomersilan, termasuk menyediakan maklumat dengan segera apabila diminta, menghadiri mesyuarat dengan bakal penerima lesen dan memberikan nasihat tentang perkembangan selanjutnya.
- 6.8 Apabila UKM membuat keputusan untuk tidak mengkomersilkan Harta Intelek tersebut, ia akan berusaha sewajarnya untuk memberikan notis awal kepada Pereka Cipta Harta Intelek. Pereka Cipta Harta Intelek bebas mencari perlindungan Harta Intelek yang berkenaan dan mengkomersilkannya dengan kosnya sendiri. UKM tidak akan menuntut apa-apa hak dan manfaat yang timbul daripada pengkomersilan tersebut.

7. Pengagihan Pendapatan

Semua perkara yang berhubung dengan pengagihan pendapatan daripada pengkomersilan Harta Intelek hendaklah merujuk Dasar Pengkomersilan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan (R&D) yang Dibiayai oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009) dan Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambah).

8. Penyelesaian Pertikaian

- 8.1 Apabila berlaku pertikaian, kontroversi atau tuntutan dalam apa-apa bentuk sekalipun yang berbangkit daripada pelaksanaan atau pengendalian Dasar ini, atau dalam apa-apa cara yang berkait dengan Dasar ini, maka UKM akan cuba menyelesaikan isu tersebut melalui pengantara, jika perlu, dan pelantikannya mestilah dipersetujui oleh semua pihak.
- 8.2 Pengantara hendaklah menggunakan prosedur yang sesuai, dengan syarat semua pihak diberikan pembicaraan yang adil.
- 8.3 Kos pengantaraan, jika ada, hendaklah ditanggung secara sama rata oleh semua pihak.
- 8.4 Apabila isu tersebut tidak dapat diselesaikan, maka perkara itu hendaklah dirujuk kepada timbang tara yang akan dikendalikan seperti ditentukan oleh seorang penimbang tara, dan pelantikannya hendaklah dipersetujui oleh semua pihak.

- 8.5 Apabila semua pihak tidak bersetuju dengan pelantikan itu atau apabila satu pihak gagal atau enggan atau keberatan untuk bertindak, maka pihak yang satu lagi boleh memohon kepada Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur untuk melantik penimbang tara dan penimbang tara yang dilantik itu hendaklah dianggap sebagai telah dilantik dengan persetujuan semua pihak.
- 8.6 Timbang tara hendaklah diadakan di Kuala Lumpur di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dan hendaklah dijalankan menurut Peraturan Timbang Tara Pusat Timbang Tara Serantau, Kuala Lumpur.
- 8.7 Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbang tara ialah bahasa Inggeris dan pendapat serta *award*, jika ada, oleh penimbang tara adalah muktamad dan mengikat semua pihak.

9. Kerahsiaan

- 9.1 Semua pihak yang melawat UKM untuk cadangan usaha sama dengan Pekerja atau Pelajar hendaklah menandatangani Perjanjian Kerahsiaan. Apa-apa maklumat yang didedahkan atau diperoleh dalam perbincangan hendaklah dianggap sebagai rahsia dan tidak boleh didedahkan kepada pihak lain yang tidak terlibat dalam perbincangan itu, melainkan jika dinyatakan sebaliknya. Bagi mengelakkan apa-apa pelanggaran perjanjian, setiap individu yang terlibat dalam perbincangan itu bertanggungjawab mengambil langkah yang sesuai untuk menjaga dan menjamin kerahsiaan apa-apa maklumat yang diterima atau yang diberikan.
- 9.2 Semua Pekerja dan Pelajar hendaklah dimaklumkan tentang Perjanjian Kerahsiaan dan kepentingannya.
- 9.3 Jika terdapat percanggahan tentang apa-apa maklumat, sama ada boleh diterbitkan atau tidak, maka rujukan boleh dibuat kepada Pusat Inovasi Kolaboratif.

10. Jawatankuasa Harta Intelek UKM

- 10.1 Jawatankuasa Harta Intelek UKM yang ditubuhkan dianggotai oleh:

- a) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sebagai Pengerusi;
 - b) Pengarah, Pusat Inovasi Kolaboratif;
 - c) Ahli Jawatankuasa Dasar Harta Intelek UKM;
 - d) Bendahari;
 - e) Pendaftar (Unit Hal-ehwal Perundangan);
 - f) Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah;
 - g) Wakil daripada Nic (8 orang).
- 10.2 Jawatankuasa Harta Intelek UKM bertanggungjawab ke atas isu-isu berkaitan Dasar ini. Objektif kawalan bagi Jawatankuasa ini ialah ‘Membantu UKM menjadi juara dalam penghasilan, perlindungan dan pengkomersilan Harta Intelek di Malaysia dan di peringkat antarabangsa’.
- 10.3 Agenda dan format Jawatankuasa akan ditentukan berdasarkan keperluan dan hasrat ahlinya dan oleh itu, ia fleksibel. Jawatankuasa menetapkan hala tuju strategik untuk UKM dalam bidangnya, dan bekerjasama erat dengan pelbagai pelanggan tersenarai dan pelanggan persendirian. Biasanya, kumpulan ini akan bertemu tiga atau empat kali setahun untuk membincangkan Dasar penting tentang isu Harta Intelek. Kumpulan kerja teknikal boleh dipanggil semasa mesyuarat berlangsung, jika diperlukan.

11. Kuasa UKM

Sebagai mengikuti perubahan dalam senario kebangsaan dan antarabangsa, UKM berhak mengkaji semula dan meminda Dasar ini sebagaimana yang dianggapnya sesuai bagi memastikan Dasar ini sentiasa relevan dan terkini.

DASAR HARTA INTELEK PELAJAR UKM (TAMBAHAN)

Tarikh Dasar Diperkenalkan	2010
Tarikh semakan semula	2012
Pejabat Yang Boleh Dihubungi	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Perundangan dan Dasar yang Berkaitan	<ul style="list-style-type: none">• Akta Cap Dagangan 1976• Akta Hak Cipta 1987• Akta Paten 1983• Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004• Akta Petunjuk Geografi 2000• Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996• Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000• Dasar Harta Intelek UKM• Dasar Harta Intelek Rakan Sekutu UKM (Tambah)an)• Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambah)• Dasar dan Garis Panduan Pengkomersilan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan (R&D) yang Dibiayai oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009)• Belanjawan Negara (2008)• Dasar Harta Intelek Negara (2007)
Dokumen/Borang Sokongan	<ul style="list-style-type: none">• Borang Pendedahan Reka Cipta• Borang Pengisytiharan Tesis• Surat Ikatan Serah Hak Pekerja• Surat Ikatan Serah Hak Pelajar• Surat Ikatan Serah Hak Rakan Sekutu• Perjanjian Kerahsiaan• Notis Berkenaan Nasihat Guaman Bebas

BAB 2

Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan)

1. Tujuan Dasar

- 1.1 Dasar ini terpakai bagi semua Pelajar UKM. Ia menyatakan dasar UKM berkaitan dengan Hak Harta Intelek (HHI) Pelajar hasil daripada penyertaan dan sumbangan mereka dalam projek dan aktiviti penyelidikan di UKM.
- 1.2 Dasar ini, bersama Dasar Harta Intelek UKM, Dasar Harta Intelek Rakan Sekutu UKM (Tambahan), Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan) dan dasar-dasar lain yang berkaitan membentuk sebahagian daripada rangka Dasar Harta Intelek UKM.

2. Takrif

Untuk tujuan Dasar ini, takrifan berikut digunakan:

- 2.1 ‘Bantuan Kewangan Lain’ bermaksud sumber lain bagi pembiayaan dan tidak termasuk Geran Penyelidikan Luar.
- 2.2 ‘Geran Penyelidikan Luar’ bermaksud apa-apa bantuan kewangan yang dibiayai oleh organisasi luar, sama ada tempatan atau antarabangsa, dan tidak termasuk bantuan kewangan atau geran penyelidikan yang dibiayai oleh UKM, sama ada dalam bentuk tunai atau selainnya.
- 2.3 ‘Hak bukan eksklusif, bebas royalti, dan lesen yang berterusan’ bermaksud dalam tempoh masa penggunaan hak cipta, Pereka Cipta Harta Intelek memberikan hak bukan eksklusif kepada UKM untuk menghasilkan semula dan mengedarkan karya tersebut (tetapi tidak termasuk untuk tujuan komersil) tanpa perlu membayar apa-apa royalti kepada Pereka Cipta Harta

- Intelek, tetapi tidak termasuk tujuan komersil. Hak tersebut boleh dilaksanakan dalam semua bentuk media, termasuk apa-apa bentuk baru yang akan direka cipta selepas ini.
- 2.4 ‘Harta Intelek’ bermaksud semua Harta Intelek yang dilindungi di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana perundangan berkaitan Harta Intelek seperti hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, varieti baru tumbuhan, ilmu kemahiran, dan maklumat sulit.
 - 2.5 ‘Jangkaan Pengkomersilan’ bermaksud UKM menjangka ia akan menguruskan pengkomersilan HHI.
 - 2.6 ‘Pelajar’ bermaksud pelajar UKM yang berdaftar.
 - 2.7 ‘Pelajar Bersekutu’ bermaksud pelajar luar yang diselia oleh kakitangan akademik UKM tetapi tidak berdaftar di UKM.
 - 2.8 ‘Pereka Cipta’ bermaksud pencipta atau pengarang Harta Intelek.
 - 2.9 ‘Perjanjian Kerahsiaan’ bermaksud perjanjian yang mewujudkan hubungan rahsia antara UKM, Pereka Cipta, dan/atau Rakan Sekutu. Dengan menandatangani perjanjian ini, semua pihak tidak boleh menzahirkan semua maklumat sulit yang boleh menjelaskan UKM kepada lain-lain pihak ketiga.
 - 2.10 ‘Pengkomersilan’ bermaksud menggunakan, membuat, menyerahkan, melesenkan, memfranciskan, memasarkan atau menggunakan Harta Intelek untuk tujuan menjana pendapatan atau pulangan kewangan yang lain.
 - 2.11 ‘UKM’ bermaksud Universiti Kebangsaan Malaysia.

3. Penyertaan Pelajar dalam Penyelidikan

- 3.1 UKM menggalakkan penyertaan Pelajar dalam projek dan aktiviti penyelidikan. UKM mengiktiraf bahawa Pelajar menyertai projek atau aktiviti penyelidikan yang:
 - a) dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan yang UKM mempunyai obligasi kontraktual atau sebaliknya;
 - b) berkitar pada Harta Intelek yang dimiliki oleh kumpulan ahli penyelidik yang terdiri daripada Pekerja UKM;
 - c) berkitar pada Harta Intelek milik UKM, atau yang dilesenkan kepada UKM;

- d) direka cipta, dibangunkan atau dihasilkan dengan menggunakan kemudahan, bahan, dana atau sumber lain milik UKM; atau
 - e) direka cipta dengan sokongan dan penyeliaan Pekerja UKM.
- 3.2 Semua Pelajar yang menyertai mana-mana projek atau aktiviti penyelidikan dalam tempoh pengajian di UKM mesti menandatangani Perjanjian Kerahsiaan.

4. Pemilikan HHI yang Direka Cipta oleh Pelajar

- 4.1 Semua Harta Intelek yang direka cipta oleh Pelajar dalam tempoh pengajian di UKM adalah hak milik Pelajar. Walau bagaimanapun, UKM mempunyai hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, menghasilkan semula dan mengedar karya tersebut dalam apa-apa cara yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral pengarang.
- 4.2 UKM menetapkan bahawa Pelajar perlu menyerahkan HHI secara bertulis kepada UKM, apabila:
 - a) Pelajar itu adalah Pekerja UKM;
 - b) Harta Intelek tersebut dijana, direka atau dihasilkan dengan menggunakan kemudahan, bahan, dana atau sumber lain milik UKM;
 - c) Harta Intelek tersebut memerlukan sokongan dan penyeliaan pekerja UKM;
 - d) HHI itu dimiliki oleh kumpulan penyelidik yang ahlinya adalah Pekerja UKM; atau
 - e) Harta Intelek itu ditempah atau direka cipta atas permintaan langsung UKM.
- 4.3 UKM juga menetapkan bahawa Pelajar perlu menyerahkan HHI secara bertulis kepada UKM apabila projek atau aktiviti penyelidikan itu:
 - a) dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan yang UKM mempunyai obligasi kontraktual;
 - b) berkitar pada Harta Intelek milik UKM, atau dilesenkan kepada UKM; atau
 - c) mempunyai Jangkaan Pengkomersilan.

- 4.4 Apa-apa HHI yang direka cipta oleh Pelajar dengan Bantuan Kewangan Lain dikawal oleh syarat dalam perjanjian bantuan kewangan tersebut. UKM sedia maklum bahawa adalah menjadi prasyarat bagi bantuan kewangan tersebut bahawa penaja akan memiliki mana-mana Harta Intelek yang direka cipta dalam tempoh bantuan kewangan itu, tertakluk kepada kewajipan penzahiran dan perlindungan kepentingan UKM. Pemilikan HHI mesti menyatakan nama semua penyelidik yang terlibat dalam Senarai Pereka Cipta.
- 4.5 Apa-apa penyerahan HHI kepada UKM tidak melibatkan tesis Pelajar. Tesis Pelajar adalah milik Pelajar berkenaan. Walau bagaimanapun, UKM mempunyai hak bukan eksklusif, bebas royalti, dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, menghasilkan semula dan mengedarkan karya tersebut dalam apa-apa cara yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral pengarang.

5. Penyerahan HHI Pelajar

- 5.1 Tanpa menyentuh Fasal 4 Dasar ini, Pelajar boleh memilih untuk tidak menyerahkan HHI kepada UKM. Pelajar mempunyai kewajipan untuk memberitahu keputusan secara bertulis kepada penyelia atau ketua penyelidik. Sesudah itu:
 - a) Pelajar, setelah berunding dengan penyelia atau ketua penyelidik, hendaklah membangunkan projek penyelidikan yang berbeza yang tidak bercanggah dengan Fasal 4.2 Dasar ini; **dan**
 - b) Pelajar tidak boleh melibatkan diri dalam projek atau aktiviti penyelidikan yang UKM mempunyai obligasi kontraktual dengan Rakan Sekutu, **atau** projek atau aktiviti yang berkitar pada Harta Intelek milik UKM, ataupun yang dilesenkan kepada UKM.
- 5.2 Apabila Pelajar memilih untuk menyerahkan HHI kepada UKM dengan mematuhi Fasal 4.2 Dasar ini, Pelajar mesti menandatangani Surat Ikatan Serah Hak Pelajar UKM. Pelajar boleh mendapatkan nasihat undang-undang bebas tentang jenis dan kesan Surat Ikatan Serah Hak Pelajar UKM, dan setelah menerima nasihat tersebut penasihat undang-undang berkenaan

mesti menandatangani Notis Berkennaan Nasihat Undang-Undang Bebas.

6. Pengagihan Pendapatan

- 6.1 Menurut Fasal 7 Dasar Harta Intelek UKM, semua Perea Cipta Harta Intelek UKM, termasuk Pelajar, akan menerima bahagian pendapatan yang diperoleh daripada pengkomersilan Harta Intelek.
- 6.2 Semua perkara yang berhubung dengan pengagihan pendapatan daripada pengkomersilan Hak Harta Intelek hendaklah merujuk kepada Dasar Pengkomersilan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009) dan Dasar dan Garis Panduan Pengkomersilan Harta Intelek UKM (Tambahan).

BORANG PENDEDAHAN REKA CIPTA

NO. KOD PENYELIDIKAN								
NIC PENYELIDIKAN	A	B	C	D	E	F	G	H I

KOD NIC PENYELIDIKAN:

- A: CABARAN MEMBINA NEGARA-BANGSA
- B: PEMBANGUNAN LESTARI WILAYAH
- C: TENAGA KETERBAHARUAN
- D: TEKNOLOGI KESIHATAN DAN PERUBATAN
- E: PERUBAHAN IKLIM
- F: NANOTEKNOLOGI DAN BAHAN TERMAJU
- G: BIODIVERSITI UNTUK PEMBANGUNAN BIOTEKNOLOGI
- H: ICT: INFORMATIK ISIAN
- I: TIDAK MELIBATKAN MANA-MANA DI ATAS

1. Harta Intelek dicadangkan

- Paten
- Cap Dagangan
- Hak Cipta
- Reka Bentuk Perindustrian
- Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu
- Varieti Baru Tumbuhan
- Tidak pasti

2. Cap Dagangan

Sila letakkan Logo/Nama Cap Dagangan sekiranya ada.

3. Status Pembangunan

Sila tandakan pada tahap-tahap yang telah dicapai seperti berikut:



A. Penggembeleng Idea

- Idea-idea untuk produk-produk baru boleh didapati daripada penyelidikan asas menggunakan analisis SWOT (Strengths, Weaknesses, Opportunities & Threats), aliran pasaran dan pengguna, jabatan R&D syarikat, pesaing, kumpulan tumpu, pekerja-pekerja, jurujual, pengintip korporat, pameran dagang, atau kaedah penemuan *ethnographic* (menyelidiki corak dan tabiat pengguna) boleh juga digunakan untuk mendapat kefahaman berkenaan produk baru atau bentuk produk
- Penggembeleng idea atau ilham produk baru, perkhidmatan atau konsep stor – teknik penggembeleng idea akan bermula apabila anda telah membuat ANALISIS PELUANG untuk menyokong idea-idea anda di dalam Fasa Penyaringan Idea (ditunjukkan dalam langkah pembangunan seterusnya)



B. Penyaringan Idea

- Tujuannya adalah untuk menyingkirkan konsep yang tidak sesuai sebelum sumber-sumber dicurahkan untuknya.
- Penyaring mesti bertanya sekurang-kurangnya tiga soalan:
 - Adakah pelanggan sasaran akan mendapat manfaat daripada produk tersebut?
 - Apakah ramalan pertumbuhan dan ukuran untuk segmen/tumpuan pasaran tersebut?
 - Apakah tekanan saingan semasa atau jangkaan untuk idea produk tersebut?
 - Apakah dasar jualan industri dan aliran pasaran idea produk tersebut?
 - Adakah produk tersebut boleh dihasilkan secara teknikal?
 - Adakah produk tersebut akan memberi keuntungan apabila dihasilkan dan dibebaskan kepada pengguna pada harga sasaran tersebut?



C. Pembangunan Konsep dan Ujian (Bukti Konsep)

- Bangunkan butir-butir pemasaran dan kejuruteraan
 - Siapakah pasaran sasaran dan siapakah yang membuat keputusan dalam proses pembelian?
 - Apakah bentuk produk yang mesti disertakan/dihasilkan?
 - Apakah manfaat yang akan diberi oleh produk tersebut?
 - Bagaimana reaksi pengguna kepada produk tersebut?

- Bagaimana produk tersebut patut dihasilkan dengan cara yang paling berkesan kos?
- Buktikan fesibiliti melalui pengeluaran dibantu komputer maya dan prototaip laju
- Apakah kos penghasilan produk tersebut?
- **Prototaip Alfa atau Makmal.** Menguji konsep dengan kaedah menyoal sampel berhubung pandangan mereka tentang idea tersebut.



D. Analisis Perniagaan (Pelan Perniagaan)

- Anggarkan harga jualan berdasarkan saingan dan maklum balas pelanggan.
- Anggarkan jumlah jualan berdasarkan saiz pasaran.
- Anggarkan keuntungan dan titik pulangan modal.



E. Prototaip Beta, Berhasil atau Komersial

- Ujian Beta dan Pasaran.
- Hasilkan prototaip fizikal atau olok-lok.
- Uji produk tersebut (dan pembungkusannya) dalam keadaan penggunaan biasa.
- Jalankan temu ramah dengan pelanggan sasaran atau kenalkan di pameran dagang.
- Buat penyelarasan apabila perlu.
- Hasilkan produk permulaan dan uji dengan menjual kepada pasaran sasaran untuk menentukan penerimaan pelanggan.



F. Implementasi Teknikal

- Anjuran program baru.
- Anggaran sumber.
- Keperluan penerbitan.
- Perancangan operasi kejuruteraan.
- Penjadualan jabatan.
- Kerjasama dengan pembekal.
- Rancangan logistik.
- Penerbitan rancangan sumber.
- Soroton dan pantauan program.
- Contingency – perancangan bagaimana-jikalau.

G. Pengkomersilan

- Pelancaran produk.
- Hasilkan dan letakkan iklan dan promosi-promosi lain.
- Isikan saluran penyebaran dengan produk.
- Analisis laluan kritikal amat berguna pada tahap ini.

4. Nama Ciptaan/Produk

Sila nyatakan nama/tajuk ciptaan atau teknologi, secara berturut-turut
Gunakan deskripsi ringkas dan nama yang terang untuk membantu
rakan-rakan industri mengenal pasti dan mengklasifikasi teknologi
tersebut

5. Kata kunci

Sila senaraikan lima hingga sepuluh perkataan yang merangkumi ciptaan anda atau teknologinya, secara berturut-turut

Kata kunci akan digunakan untuk carian pangkalan data awam dan paten komersial.

6. Butir-butir Ciptaan

Sila nyatakan secara spesifik dan terperinci apa anggapan anda berkenaan ciptaan tersebut. Sertakan foto-foto prototaip, diagram grafik, lukisan atau bahan-bahan lain yang dapat membantu menggambarkan deskripsi tersebut dan membuatkan ia lebih jelas dan mudah difahami.

- a. Apakah bahagian-bahagian (langkah-langkah, sekiranya kaedah) yang menjadikan ciptaan tersebut dalam bentuknya yang terbaik?

b. Apakah sumbangan setiap bahagian tersebut kepada ciptaan?

c. Manakah bahagian yang baru kepada ciptaan ini (dari segi bentuk dan penggunaan), dan bahagian manakah yang lama (konvensional dan digunakan dalam cara yang dijangkakan)?

d. Nyatakan cara bagaimana bahagian-bahagian tersebut saling mempengaruhi untuk menjayakan ciptaan tersebut?

e. Untuk setiap bahagian, nyatakan sekiranya bahagian tersebut (atau bentuknya atau *interconnection*) adalah PENTING kepada ciptaan, iaitu, untuk setiap bahagian, tanya “Sekiranya bahagian ini ditinggalkan, atau ditukar, adakah ciptaan yang tinggal masih ciptaan saya?” atau, “Sekiranya bahagian ini ditukar atau ditinggalkan, adakah ciptaan itu masih berhasil?”

f. Sekiranya boleh, gunakan lakaran berlabel untuk memperincikan ciptaan anda. Pastikan semua bahagian penting ditunjukkan dalam lakaran, dan cuba untuk tidak memasukkan butiran-butiran luar. Ukuran tidak diperlukan, melainkan ia penting kepada operasi ciptaan itu.

7. Alternatif

Anda telah memberikan deskripsi terbaik untuk membina (melaksanakan) ciptaan anda. Sekarang pertimbangkan alternatifnya.

Alternatif Struktur:

- a. Bagaimanakah bahagian-bahagian (langkah-langkah) itu boleh diubah atau bahagian yang sama nilainya digantikan tanpa mengubah ciptaan asas?

- b. Apakah yang boleh ditambah supaya ciptaan itu dapat berfungsi dengan lebih baik?

- c. Apa yang boleh ditinggalkan?

- d. Kegunaan lain: Bolehkah ciptaan anda digunakan untuk maksud lain selain daripada kegunaannya yang asal?

8. Batasan

Bilakah ciptaan ini tidak akan berfungsi?

- a. Adakah terdapat sebarang unjuran kritikal berkenaan saiz, berat, tekanan, dan lain-lain untuk mana-mana bahagian ciptaan anda? (iaitu, tudung itu mesti dibuat daripada keluli dengan kekerasan Rockwell 32-56”)

- b. Adakah bahagian yang perlu dibuat daripada bahan spesifik?

Supaya sesuatu ciptaan dapat dipatenkan, ciptaan tersebut mestilah BAHARU DAN MENARIK, BERGUNA dan TIDAK KETARA kepada seseorang yang mahir dalam seni tersebut, berdasarkan kepada semua yang sedia pada masa ciptaan tersebut.

9. Tahap Semasa: Pertimbangkan apakah yang sudah wujud (sama ada dipatenkan atau tidak) sebelum ciptaan tersebut.

a. Bagaimanakah fungsi ciptaan itu dilakukan kini?

b. Apakah alat (kaedah) yang anda ketahui yang terdekat dengan ciptaan anda?

c. Adakah terdapat alat lain yang mempunyai fungsi yang sama tetapi berfungsi dengan cara lain?

d. Adakah terdapat kombinasi sebarang alat (kaedah) yang sedia wujud yang mungkin serupa dengan ciptaan anda?

e. Bagaimana ciptaan anda berbeza atau lebih baik, dari segi fungsi, berbanding alat (kaedah) sedia ada?

f. Bagaimanakah kedua-duanya serupa?

10. Kegunaan Komersial

- a. Apakah kemungkinan yang ciptaan anda berbeza dari segi penggunaan komersialnya? Di manakah yang anda rasakan merupakan pasaran terbesar yang memerlukan produk/perkhidmatan berdasarkan ciptaan tersebut?

Tujuan kegunaan komersial, terutamanya aplikasi berbeza dan pasaran yang ditujukan, adalah penting untuk menilai potensi komersial dan keperluan untuk ciptaan anda.

- b. Apakah sektor industri atau firma yang anda rasa berminat dalam ciptaan anda dan kenapa? Sudahkah anda menghubungi pihak-pihak yang berminat? Adakah anda tahu sama ada terdapat sebarang syarikat atau ahli sains yang sedang bekerja dalam bidang ciptaan ini?

11. Penerbitan/Penzahiran

- a. Adakah reka cipta pernah dijelaskan secara terperinci atau secara umum dalam publikasi mahupun penerbitan kertas kerja saintifik? Pernahkah reka cipta ini pernah dijelaskan secara lisan dalam mesyuarat? Sediakan keterangan termasuk tarikh dan salinan apa-apa penerbitan dan pembentangan.

- b. Adakah reka cipta ini pernah diuji secara eksperimentasi? Adakah datanya tersedia? Sila beri penerangan mengenai data tersebut.

12. Penajaan Projek

- a. Adakah kerja-kerja atau projek penyelidikan yang menghasilkan reka cipta ini ditaja oleh mana-mana pihak? Sila lengkapkan jadual di bawah.

Organisasi	No. kod projek	Jumlah geran (RM)	Tarikh mula projek	Tarikh tamat projek
Universiti, fakulti				
Badan kerajaan				
Nama syarikat				
Lain-lain				

13. Pernahkah reka cipta ini didedahkan kepada wakil-wakil industri? Adakah ia mendapat maklum balas minat komersil mereka? Jika ada, sila isikan maklumat berikut.

Nama syarikat	Nama pegawai dan jawatan	Tel/faks/tel. bimbit/e-mel

14. Nama-nama individu sebagai kolaborator/penyumbang kepada reka cipta ini (jika ada).

Bil.	Nama dan jawatan	Fakulti/organisasi	Tel/faks/tel. bimbit/e-mel

15. Ketua Pereka Cipta

Nama dan jawatan	Fakulti/organisasi	Tel/faks/tel. bimbit/e-mel

16. Pereka Cipta Lain

Bil.	Nama dan jawatan	Fakulti/organisasi	Tel/faks/tel. bimbit/e-mel



BORANG PERAKUAN TESIS SARJANA/DOKTOR FALSAFAH

Nama Penuh Pengarang : _____

No. Pendaftaran Pelajar : _____

Tajuk Tesis : _____

Sesi Akademik : _____

Merujuk kepada Klausula 4.2 Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan), tesis adalah hak milik pelajar. Saya mengaku tesis ini sebagai:

RAHSIA

Mengandungi maklumat rahsia di bawah AKTA RAHSIA RASMI 1972.

TERHAD

Mengandungi malamat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan.

AKSES TERBUKA/TIDAK TERHAD

Saya membenarkan tesis ini diterbitkan secara akses terbuka, teks penuh atau dibuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran dan penyelidikan sahaja.

Bagi kategori Akses Terbuka/Tidak Terhad, saya membenarkan tesis (Sarjana/Doktor Falsafah) ini di simpan di *Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan syarat-syarat kegunaan berikut:

1. Perpustakaan UKM mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran dan penyelidikan sahaja.
2. Perpustakaan UKM dibenarkan membuat satu (1) salinan tesis ini untuk tujuan pertukaran antara institusi pengajian tinggi dan mana-mana badan/ agensi kerajaan, tertakluk kepada terma dan syarat.

DISAHKAN OLEH:

